

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN  
TARIKH: 15 MAC 2016 (SELASA)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Chuping is the hottest	The Star
2.	Mesyuarat tergepar bincang isu cuaca panas	Utusan Malaysia
3.	Kementerian Pendidikan sasar tingkat permohonan pelajar ke bidang STEM	BERNAMA
4.	MOSTI peruntuk dana RM30 juta bangunkan produk inovasi komuniti	BERNAMA
5.	Mesyuarat bincang isu cuaca panas dalam masa terdekat	BERNAMA
6.	Meeting on hot spell tomorrow	New Straits Times
7.	Emergency meeting on dry spell	Malay Mail
8.	The best place to cool down	New Straits Times
9.	Agensi terlibat diminta maklum paras air terkini di empangan	BERNAMA
10.	Sekolah diarah tutup kerana cuaca terlalu panas tidak perlu diganti	KOSMO
11.	Mesyuarat tangani cuaca panas	KOSMO
12.	Cuaca panas melampau tiada kaitan ekuinoks	Berita Harian
13.	Cuaca panas tiada kaitan ekuinoks	Sinar Harian
14.	Chuping catat 39 darjah celsius	Utusan Malaysia
15.	Cuaca panas tiada kaitan ekuinoks	Sinar Harian
16.	Hotspots bring about haze to Sabah's western side	The Star

# Chuping is the hottest

Small town in Perlis records highest temperature of 39°C

**PETALING JAYA:** Chuping in Perlis is the hottest place in the country.

The small town in the state recorded the highest temperature for this month at 39°C, according to the Meteorological Department website.

The temperature in Petaling Jaya at 4pm was 26°C (due to thunderstorms), while Ipoh recorded 34°C; Kuala Pilah, Negri Sembilan 36°C; Senai, Johor 34°C and Malacca, 33°C.

Science, Technology and Innova-

tion Minister Datuk Wilfred Madius Tangau said that until Sunday, the highest temperature for the month was 38.5°C, also in Chuping, and Alor Setar.

He added, in a statement, that the strong El Nino phenomenon was the main reason for the current hot and dry weather being experienced in the country.

Tangau said the last time the country experienced similar weather conditions was 1997-1998, also due to El Nino.

"The Equinox phenomenon is not the main factor as it occurs yearly in March and September," Tangau said.

He also added that the Equinox was a result of the sun shining directly over the Equator, causing a hot spell.

Meteorological Department director-general Datuk Che Gayah Ismail said, however, that the strong El Nino phenomenon added to the Equinox that was causing the phenomenon which is experienced

now, thus making it exceptionally hot.

He said during the 1997-1998 El Nino, Chuping recorded 40.1°C on April 9, 1998 which was also the highest ever recorded temperature in the nation's history.

"It is not impossible if it peaks above 40°C this year," Tangau added.

The dry spell is expected to ease next month when there will be more rain and thunderstorms in the evening.

**KERATAN AKHBAR**  
**UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 9**  
**TARIKH : 15 MAC 2016 (SELASA)**

## Mesyuarat tergejempar bincang isu cuaca panas

**KUALA LUMPUR 14 Mac** - Satu mesyuarat tergejempar bagi membincangkan keadaan cuaca panas yang melanda negara ketika ini akan diadakan dalam masa terdekat di Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar sebelum dibawa isu ke Kabinet pada Jumaat ini.

Menterinya, Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, mesyuarat berkenaan akan memfokuskan kepada perbincangan mencari langkah yang perlu diambil bagi mengatasi masalah tersebut.

Menurut beliau, isu tersebut bukan sesuatu yang boleh dipandang ringan kerana fenomena itu bukan bersifat sementara kerana boleh berulang pada tahun akan datang.

"Kita menerima hakikat bahawa isu cuaca panas ini bukan satu perkara kecil kerana fenomena tersebut kerap kali berlaku.

"Kementerian akan mengadakan satu mesyuarat tergejempar bersama Kementerian Pendidikan, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Kementerian Kesihatan serta agensi berkaitan seperti Jabatan Meteorologi dan Jabatan Alam Sekitar bagi membincangkan perkara ini," katanya di lobi Parlimen di sini hari ini.

Sementara itu, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Madius Tangau berkata, warga emas, kanak-kanak dan mereka yang sensitif terhadap cuaca panas perlu lebih berjaga-jaga dan disarankan supaya minum lebih



WAN JUNAIDI



MADIUS TANGAU



AHMAD SHABERY



P. KAMALANATHAN



S. SUBRAMANIAM

banyak air dalam tempoh ini.

Katanya, langkah-langkah pencegahan itu perlu diambil berikutan fenomena El Nino yang sedang melanda beberapa negeri di utara Semenanjung, Sabah dan Timur Sarawak.

"Sehingga semalam, suhu tertinggi dicatatkan adalah 38.5 darjah Celsius di Alor Setar, Kedah dan Chuping, Perlis. Untuk makluman, suhu tertinggi yang pernah direkodkan di negara ini adalah 40 darjah Celsius di Chuping, Perlis pada 1998.

"Keadaan cuaca panas ini boleh mencetuskan fenomena gelombang haba iaitu situasi yang membawa risiko kesihatan hipertermia atau strok haba," katanya.

Sementara itu, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata, pihaknya merangka pelan strategik sebagai persediaan awal menghadapi kemungkinan cuaca panas yang berpanjangan atau El-Nino.

Menurutnya, pada peringkat awal, kementerian itu mengedarkan pam air ke beberapa lokasi

strategik di seluruh negara.

"Cuaca panas ketika ini masih belum di tahap membimbangkan. Namun, kita bimbang sekiranya keadaan jerebu kembali, sudah pasti akan memburukkan lagi keadaan.

"Untuk itu, kita menyediakan satu pelan strategik yang merangkumi penyediaan pam-pam ke seluruh negara bagi membantu membekalkan air di kawasan-kawasan yang berkemungkinan terjejas akibat fenomena tersebut," katanya.

Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk P. Kamalanathan berkata, pihaknya menunggu laporan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi berhubung fenomena cuaca panas terik, El Nino yang melanda negara.

Katanya, pihaknya telah berbincang dengan kementerian itu dan hanya menunggu cadangan dan ulasan berkenaan perkara tersebut kepada kementerian.

"Tindakan lanjut sama ada sesi persekolahan ditutup atau tidak hanya akan diambil setelah laporan dan cadangan daripada Ke-

menterian Sains, Teknologi dan Inovasi diterima.

"Sesi persekolahan perlu diganti sekiranya menerima notis bercuti, bagaimanapun jika diarahkan tutup sekolah tidak perlu diganti," katanya.

Di **KLANG**, Kementerian Kesihatan, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam menasihatkan supaya sekolah di seluruh negara mengurangkan aktiviti di luar bilik darjah ekoran keadaan cuaca panas yang melanda negara ketika ini.

Menurutnya, fenomena El Nino yang dijangka berterusan sepanjang bulan ini berisiko menyebabkan tubuh badan manusia kehilangan air.

"Meskipun setakat ini tiada peningkatan jumlah pesakit yang ketara akibat cuaca panas, tetapi langkah pencegahan perlu diambil dan pihaknya akan terus membuat pemantauan.

"Mungkin apa yang boleh dibuat ialah mengurangkan aktiviti di luar dan membenarkan pengajaran dan pembelajaran dijalankan di dalam kelas sahaja," katanya.

